

FTA: AS tolak kemungkinan perjanjian dimeterai

Uhr 18/3/2007

WASHINGTON 17 Mac - Kerajaan Amerika Syarikat (AS) semalam menolak kemungkinan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Malaysia dapat dicapai sebelum luputnya tarikh akhir dalam masa dua minggu lagi.

Jurucakap untuk Wakil Perdagangan AS, Susan Schwab, Steve Norton berkata, Kabinet Malaysia masih terikat dengan perbincangan mengenai beberapa peruntakan penting perjanjian itu

termasuk peraturan mengenai pemerolehan kerajaan.

Berikutan rundingan pusingan terbaru bulan lalu, Malaysia memaklumkan Washington bahawa pihaknya memerlukan masa lagi untuk mencapai konsensus politik yang memihak kepada perjanjian tersebut, kata Norton.

"Proses itu masih diteruskan dalam Kabinet Malaysia.

"Tetapi saya fikir adalah jelas pada ketika ini bahawa perjanjian

perdagangan bebas tidak mungkin dicapai di bawah TPA semasa," kata beliau.

Masa semakin suntuk kerana Presiden George W. Bush akan hilang kuasa Promosi Perdagangan (TPA) beliau pada 1 Julai ini.

TPA membolehkan proses kelulusan perjanjian dipercepatkan di Kongres yang dikuasai Demokrat.

Rundingan FTA perlu diselesaikan selewat-lewatnya akhir

bulan ini untuk memberi Kongres tempoh tiga bulan yang diperlukan untuk menimbangakan perjanjian itu.

Norton mengakui masa boleh dikatakan sudah kehabisan memandangkan tempoh akhir hanya tinggal dua minggu sahaja lagi.

"Namun begitu, kita akan terus bermesyuarat dan dijangka mengadakan perbincangan lanjut dalam beberapa minggu akan datang.

"Kita tidak mahu rundingan yang telah berlangsung hampir sepanjang tahun luput begitu sahaja," tambah beliau.

Kedua-dua negara mengadakan lima pusingan rundingan tetapi rundingan itu menemui jalan buntu berhubung 58 isu yang belum dapat diselesaikan.

Tiada pusingan lanjut dijadualkan antara AS dengan rakan dagangannya yang ke-10 terbesar itu.

APP